

Headline	Taman Negara Tanjung Piai makin tercemar		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	01 Oct 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	n6	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	461 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,283
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,849



Taman Negara Tanjung Piai makin tercemar

» Habuk kayu
bercampur
minyak
menggangu,
membunuh
ratusan pokok
di kawasan
paya bakau

Oleh Syed Mohd Ridzuwan
Syed Ismail
Smohd@bharian.com.my

BAJET 2013 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Jumaat lalu, memberikan pelbagai khabar gembira dan 'hadiah' kepada rakyat yang sehingga hari ini, masih menjadi topik bualan hangat.

Pastinya orang ramai sudah mendengar ulasan daripada pelbagai pihak mengenai bajet itu membabitkan banyak bidang dan penulisnya sebenarnya tertarik dengan pengumuman peruntukan RM500 juta bagi projek *River of Life* untuk mengindahkan Sungai Klang, Selangor yang diketahui sekian lama mengalami pencemaran.

Jumlah itu dilihat bukan nilai sedikit dalam usaha memulihara alam sekitar yang tercemar akibat perbuatan manusia sendiri. Masalah pencemaran ini bukan saja memberi kesan kepada sepanjang Sungai Klang ini sendiri, namun jika diteliti masalahnya lebih parah.

Ketika air surut, ratusan tan sampah seperti plastik dapat dilihat bertaburan di sepanjang pantai berlumpur di muara Sungai Klang. Umum mengetahui, sifat plastik yang tidak mungkin mereput walaupun me-

ngambil masa ratusan tahun.

Disebabkan kealpaan masyarakat dalam mementingkan penjagaan alam sekitar, sejumlah peruntukan yang besar terpaksa dikeluarkan kerajaan dalam memastikan sungai tercemar dapat dipulihkan semula. Itu baru membabitkan satu kawasan kecil di negara ini.

Situasi sama berlaku di Taman Negara Tanjung Piai, Pontian, yang menjadi mangsa kerakusan manusia. Disebabkan tindakan mudah, murah atau tidak kisah pengusaha perkapalan, empat hektar kawasan yang dipenuhi hutan paya bakau bakal musnah dalam beberapa tahun.

Semakin terjejas

Kajian penuntut Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Norhaszuerah Malekal, mendapati kedudukan taman negara itu semakin terjejas apabila habuk kayu yang bercampur minyak mengganggu dan membunuh ratusan pokok di kawasan paya bakau terutama spesies bakau minyak.

Habuk kayu bercampur mi-

nyak itu terkumpul sedalam 0.6 meter dikatakan menjadi faktor yang mempengaruhi pertumbuhan bakau.

Kajian ini dikukuhkan lagi dengan Laporan Audit Negara

2010 yang melaporkan kajian Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) mendapati arus air pasang yang membawa bersama bahan menyerupai serbuk kayu dikenali tanah sesai dan berasid memberi kesan kepada pokok bakau di kawasan terbabit.

Ini menyebabkan keluasan kawasan hujung benua Asia itu semakin mengecil setiap tahun akibat kematian pokok bakau dan hakisan yang semakin teruk.

Perbuatan ini berlarutan sejak sekian lama tanpa sebarang tindakan dan perbuatan ini dikatakan didalangi kapal yang menggunakan bahan serbuk kayu ini untuk menyerap bahan seperti minyak di kapal dagang yang berlabuh di perairan antarabangsa.

Mereka akan mengumpul bahan ini dalam guni, sebelum membuangnya ke dalam laut sebagai cara mudah dan menjimatkan kos ketika meninggalkan per-

Headline	Taman Negara Tanjung Piai makin tercemar		
MediaTitle	Berita Harian (Johor)		
Date	01 Oct 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	231,163
Page No	n6	Readership	1,368,000
Language	Malay	ArticleSize	461 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,283
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,849

airan negara, khususnya di kawasan berdekatan Taman Negara Tanjung Piai yang mempunyai ratusan kapal dagang setiap hari.

Tiada penguatkuasaan

Perbuatan ini terjadi sejak puluhan tahun lalu tanpa sebarang penguatkuasaan dan tindakan kepada pelakunya hingga menyebabkan pencemaran di kawasan Taman Negara Tanjung Piai.

Biarpun perkara ini didedahkan di media, perkara ini seakan 'dibisukan' hingga dilupakan begitu saja dan kembali dipaparkan ketika satu lagi kajian didedahkan mungkin satu masa nanti.

Malangnya, biar pun pendedahan demi pendedahan, pihak

sepatutnya membantu menyelesaikan perkara ini bertindak diam seribu bahasa. Tiada 'sambutan' daripada Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli dalam membela perkara ini. Apatah lagi, pihak bertanggungjawab di pelabuhan dan kapal turut mengambil pendekatan sama iaitu diam seribu bahasa.

Dalam satu dialog hampir dua jam yang diadakan persatuan kapal dagang di Pasir Gudang, baru-baru ini, ia hanya menyentuh hal berkaitan keuntungan dan mempertikaikan tindakan penguatkuasaan, tiada langsung dibangkitkan isu berkaitan alam sekitar yang disebabkan perbuatan kapal dagang terhadap kemusnahan hutan paya bakau.

Mengambil kira bajet ratusan juta yang terpaksa dikeluarkan kerajaan dalam pemuliharaan Sungai Klang, sudah tiba masanya tindakan penguatkuasaan dilaksanakan pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memastikan tindakan awal diambil bagi mengelak kemusnahan di kawasan Taman Negara Tanjung Piai yang diiktiraf sebagai tapak Ramsar.

Tindakan tegas perlu diambil dalam memastikan perkara ini tidak berlarutan lagi. Jangan hanya apabila kawasan ini semakin kronik, kerajaan terpaksa menghabiskan ratusan juta lagi wang bagi proses pemuliharaan kawasan Taman Negara Tanjung Piai.



Habuk kayu yang **terkumpul di Taman Negara Tanjung Piai**, Pontian menjadi faktor yang mempengaruhi tumbesaran bakau.

[FOTO HAIRUL ANUAR ABD RAHIM/BH]